

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengawal bekalan rantaian kit ujian kendiri COVID-19 yang dijual di farmasi dan klinik bagi mengelakkan penjualan bahan tiruan yang tidak menepati piawaian kesihatan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian telah menetapkan harga maksimum kit ujian pantas antigen covid-19 (ujian sendiri) bagi borong RM16.00 seunit dan runcit RM19.90 seunit. Penetapan harga maksimum telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 5 September 2021 melalui P.U (A) 348 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2021.

Sepanjang tempoh pemeriksaan serta pemantauan ke atas penjualan kit ujian kendiri COVID-19 selepas diwartakan, iaitu bermula 5 sehingga 14 September 2021, sebanyak 1443 premis telah diperiksa membabitkan 74 premis borong dan 1,087 premis runcit dan daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 10 amaran dikeluarkan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Bagi mengekang penjualan kit ujian kendiri palsu di pasaran, KPDNHEP telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Penguatkuasaan berterusan di seluruh negara sama ada melalui penguatkuasaan bersama dengan pemilik cap dagang (*trade mark owner*), penguatkuasaan secara proaktif atau tindakan penguatkuasaan berdasarkan aduan yang diterima daripada pemilik cap dagang mahupun daripada orang ramai;
- ii. Menjalankan operasi bersepada bersama agensi kerajaan yang berkaitan termasuk Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia;
- iii. Penguatkuasaan secara preventif iaitu melalui taklimat pengecaman ciri-ciri produk tiruan kepada anggota penguatkuasa oleh pemilik cap dagang; dan
- iv. Selain itu juga, laman sesawang, penyedia platform perniagaan dan media sosial berorientasikan perniagaan atas talian seperti Facebook, Instagram, Mudah.my dan lain-lain, turut dipantau berkaitan aktiviti penjualan dan pemasaran barang-barang tiruan termasuk kit ujian kendiri COVID-19.

Sekian, terima kasih.